



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.6 TAHUN 1999

**SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah menilai semula kelayakan perguruan untuk menjadikan perkhidmatan pendidikan lebih kompetitif, berdayasaing, mampu menarik calon baru dan mengekalkan penyandang sedia ada serta meningkatkan profesionalisma perkhidmatan perguruan.

3. Berikutan penilaian semula tersebut, Kerajaan telah menetapkan kelayakan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) dari maktab perguruan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai syarat minimum untuk lantikan ke skim perkhidmatan PPPLD.

SKIM PERKHIDMATAN

4. Kerajaan telah bersetuju meluluskan skim perkhidmatan PPPLD di bawah klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan. Dengan menetapkan kelayakan masuk minimum ke skim perkhidmatan di atas, maka perbekalan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) tidak lagi diperuntukkan di bawah skim perkhidmatan PPPLD ini.

5. Skim perkhidmatan berkenaan adalah seperti di [Lampiran A](#). Jadual Gaji Baru bagi skim perkhidmatan PPPLD adalah seperti di [Lampiran B](#), [Lampiran C](#) dan [Lampiran D](#).

6. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan PPPLD ini, maka segala urusan yang melibatkan pemakaian syarat-syarat skim perkhidmatan hendaklah berasaskan syarat-syarat perkhidmatan yang telah ditetapkan di bawah skim ini.

7. Skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 1993 yang diedarkan menerusi surat JPA.SULIT 324/10/5 Klt. 2 (9) bertarikh 28 September 1994 dikekalkan untuk menampung penyandang sedia ada yang menolak opsyen memasuki skim perkhidmatan PPPLD ini dan juga menyediakan ruang kemajuan kerjaya kepada PPPBS Gred DG8 (KUP) yang belum layak dilantik sebagai PPPBS Gred DG6.

PELAKSANAAN

Pemberian Opsyen

8. Pelaksanaan skim perkhidmatan PPPLD ini dibuat melalui pemberian opsyen dan pilihan yang dibuat adalah **muktamad**. PPPBS adalah diberi tempoh 3 bulan bermula dari 1 Julai 1999 untuk membuat opsyen sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. PPPBS yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan PPPLD ini. Walau bagaimana pun, mereka akan kekal di bawah skim perkhidmatan PPPBS secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan dengan syarat apabila dinaikkan pangkat anggota itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan di bawah skim perkhidmatan PPPLD mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

9. Tawaran opsyen ini juga hendaklah **diberi** kepada PPPBS yang berada dalam keadaan berikut :-

9.1. dipinjamkan atau ditukarkan sementara;

9.2. sedang bercuti;

9.3. tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuatkuasa;

9.4. sedang dalam proses tindakan tatatertib ; dan

9.5. sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

10. PPPBS yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

11. Tawaran opsyen ini **tidak akan diberi** kepada PPPBS yang bertaraf sementara, sandaran atau kontrak.
12. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 9, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (3 bulan) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
13. PPPBS Gred DG6 yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap tiga (3) tahun layak diberi opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas.

Kaedah Pelarasan

14. Kaedah pelarasan penyandang ke skim perkhidmatan PPPLD ditetapkan seperti berikut:-
 - 14.1. anggota yang memiliki kelayakan DPM dilantik terus ke skim perkhidmatan PPPLD di atas gaji permulaan Gred DGA6 P1T1 : RM917;
 - 14.2. anggota yang memiliki kelayakan di peringkat diploma di dalam bidang tertentu yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai setaraf dengan diploma biasa dari IPTA serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma (KPLD) akan dilantik terus ke skim perkhidmatan PPPLD dengan gaji permulaan pada Gred DGA6 P1T3 : RM1003;
 - 14.3. anggota yang memiliki kelayakan Diploma Kejuruteraan atau Pertanian dari IPTA atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil KPLD akan dilantik terus ke skim perkhidmatan PPPLD dengan gaji permulaan pada Gred DGA6 P1T4 : RM1046;
 - 14.4. PPPBS Gred DG6 dengan kelulusan SPM/STPM serta Sijil Asas Perguruan yang telah berkhidmat genap tiga (3) tahun pada 1 Julai 1999 dan berada sekurang-kurangnya di atas matagaji T4 serta matagaji mereka belum mencapai RM917 hendaklah diselaraskan ke mata gaji DPM (RM917). Tempoh berkhidmat selama 3 tahun yang boleh dimasukira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji;
 - 14.5. PPPBS Gred DG6 yang pada 1 Julai 1999 berada di antara mata gaji P1T4 (RM754), P2T4 (RM796), P3T4 (RM849) hingga P1T7 (RM874), P2T7 (RM931), P3T7 (RM990) Gred DG6 diselaraskan ke mata gaji dalam gred

gaji
1999

baru DGA6 mengikut peringkat mata gaji yang berkenaan mulai 1 Julai seperti di [Lampiran E](#), [Lampiran F](#) dan [Lampiran G](#).

14.6. PPPBS Gred DG6 yang berada di atas mata gaji DPM (RM917) atau di atas mata gaji yang lebih tinggi seperti P1T8 (RM917), P2T8 (RM976), P3T8 (RM1037) hingga P1T28 (RM1865), P2T28 (RM1991), P3T28 (RM2121) Gred DG6 pada 1 Julai 1999 diselaraskan ke mata gaji dalam gred gaji baru DGA6 mengikut peringkat gaji masing-masing ke satu mata gaji tinggi berhampiran. Sifir pelarasan gaji adalah seperti di [Lampiran H](#), [Lampiran](#)

I

dan [Lampiran J](#);

kuatkuasa

14.7. PPPBS Gred DG6 yang berada di matagaji maksimum pada tarikh

Gred

skim perkhidmatan PPPLD akan dipindahkan ke matagaji KUP. PPPBS

gaji

DG6 yang berada di mata gaji maksimum P1, P2 atau P3 pada 1 Julai 1999 sifir pelarasan gaji mereka adalah seperti di [Lampiran K](#). Sifir pelarasan

semasa

ini hanya khas untuk penyandang yang berada di mata gaji maksimum

pelaksanaan skim PPPLD ini sahaja. Sifir pelarasan gaji ini tidak boleh digunakan bagi maksud pemberian pergerakan gaji mengikut prestasi;

tahun

14.8. PPPBS Gred DG6 yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap tiga (3) tahun seperti dinyatakan di perenggan (13) akan hanya dipindahkan ke matagaji Gred DGA6 P1T1 sehari selepas perkhidmatan mereka genap 3

akan

dan berada sekurang-kurangnya di atas matagaji T4 Gred DG6. Mereka

tersebut;

dikekalkan di atas Gred DG6 secara KUP sehingga memenuhi syarat

dan

14.9. PPPBS Gred DG6 yang memiliki kelayakan di peringkat diploma biasa/diploma iktisas dari IPTA, PPPBS Gred DG5 dan PPPBS Gred DG4 pada tarikh kuatkuasa pekeliling ini akan dipindahkan terus ke gred gaji DGA6, DGA5 dan DGA4 tanpa melibatkan pelarasan gaji.

Tarikh Pergerakan Gaji

15. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi PPPBS Gred DG6 yang terlibat dengan pelarasan gaji ke dalam skim perkhidmatan PPPLD hendaklah diubah kepada satu TPG

baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pelarasan gaji yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 1999. TPG baru ialah 1 Julai tahun berikutnya.

16. PPPBS Gred DG6 yang TPG asal sama dengan tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan PPPLD ini hendaklah diberi pergerakan gaji tahunan mengikut keputusan Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) terlebih dahulu sebelum diberi pelarasan gaji baru dalam skim perkhidmatan PPPLD.

17. PPPBS Gred DG6 yang TPG asal pada 1 Oktober 1999 hendaklah diawalkan pergerakan gaji pada 1 Julai 1999 sebelum diberi pelarasan gaji dalam skim perkhidmatan PPPLD. TPG baru bagi mereka ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

18. PPPBS Gred DG6 yang belum memenuhi syarat untuk menerima faedah pelarasan gaji baru sepertimana dinyatakan di perenggan (14.8), selepas diselaraskan TPG mereka akan berubah kepada tarikh ulang tahun pelarasan gaji mereka ke Gred DGA6 P1T1 :RM917 mengikut salah satu daripada empat tarikh pergerakan gaji dalam setahun, iaitu, 1 Januari, 1 April, 1 Julai atau 1 Oktober.

19. PPPBS Gred DG6 yang memiliki kelayakan di peringkat diploma biasa/diploma iktisas dari IPTA pada tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, PPPBS Gred DG5 dan PPPBS Gred DG4 selepas dipindahkan ke skim perkhidmatan baru TPG mereka tidak berubah.

Kaedah Pelaksanaan

20. Bagi melaksanakan skim perkhidmatan PPPLD ini, Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Jabatan dan Anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

20.1. Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran ke skim perkhidmatan PPPLD kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Contoh surat tawaran opsyen skim perkhidmatan PPPLD, borang opsyen dan surat akuan penerimaan oleh Ketua Jabatan adalah seperti di [Lampiran L](#) dan [Lampiran M](#).
- ii. mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran ke skim perkhidmatan PPPLD kepada Ketua Jabatan yang berkenaan khusus kepada anggota yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan PPPLD dengan menggunakan borang opsyen khas. Contoh surat tawaran opsyen dan surat akuan penerimaan oleh Ketua Jabatan adalah seperti di [Lampiran N](#) dan [Lampiran O](#).

20.2. **Ketua Jabatan**

- i. memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- ii. menyedia dan menyampaikan surat tawaran opsyen kepada anggota yang terlibat;
- iii. mengemaskini kenyataan perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan.
- iv. melaporkan kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai implikasi kewangan yang terlibat dalam melaksanakan urusan ini dengan menggunakan borang seperti di [Lampiran P](#).

20.3. **Anggota**

- i. membaca dengan teliti serta faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**. Anggota dikehendaki melengkapkan 4 (empat) salinan borang opsyen iaitu, satu salinan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia, satu salinan untuk Ketua Jabatan, satu salinan untuk fail peribadi dan satu salinan untuk simpanan pegawai; dan
- ii. membuat pilihan dalam tempoh tiga (3) bulan mulai dari 1 Julai 1999.

TARIKH KUATKUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 1999**.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya boleh dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

1 Julai 1999.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)

TARIKH KUATKUASA : 1 Julai 1999

GRES**JADUAL GAJI**

GRES DGA6	P1T1	(RM917)	-	P1T22	(RM1930)
	P2T1	(RM976)	-	P2T22	(RM2059)
	P3T1	(RM1037)	-	P3T22	(RM2192)
GRES DGA5	P1T1	(RM1585)	-	P1T10	(RM2170)
	P2T1	(RM1653)	-	P2T10	(RM2265)
	P3T1	(RM1724)	-	P3T10	(RM2363)
GRES DGA4	P1T1	(RM1975)	-	P1T6	(RM2300)
	P2T1	(RM2043)	-	P2T6	(RM2383)
	P3T1	(RM2114)	-	P3T6	(RM2469)

SYARAT LANTIKAN 1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) terdiri daripada warganegara;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c)
 - (i) Diploma Perguruan daripada Maktab Perguruan Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA6 : P1T1);
ATAU
 - (ii) Diploma dalam bidang berkenaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma dari maktab perguruan tempatan atau kelayakan perguruan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA6: P IT3);
ATAU
 - (iii) Diploma Kejuruteraan atau Pertanian dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma dari maktab perguruan tempatan atau kelayakan perguruan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA6: P IT4)
- DAN** (d) kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DGA6 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada **pengalaman kerja, bakat** atau **kemahiran** dalam bidang-bidang berkaitan

- TEMPOH PERCUBAAN** 3. PPPLD Gred DGA6 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- LATIHAN** 4. PPPLD boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN / KURSUS INDUKSI** 5. PPPLD Gred DGA6 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 6. PPPLD Gred DGA6 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** 7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
- KURSUS KENAIKAN PANGKAT** 8. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DGA5** 9. PPPLD Gred DGA6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PPPLD Gred DGA5 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

- (c) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DGA4**

10. PPPLD Gred DGA5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan PPPLD Gred DGA4 yang kosong apabila telah.-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan,

**LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PEGAWAI
PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN
SISWAZAH**

11. PPPLD adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan untuk lantikan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang kosong mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P1	917	960	1003	1046	1089	1132	1175	1218	1261	1304	1347	1390	1433	1476	1519	1562	1605	1670	1735	1800	1865	1930
P2	976	1021	1066	1111	1156	1201	1246	1291	1336	1381	1426	1471	1516	1561	1606	1651	1719	1787	1855	1923	1991	2059
P3	1037	1084	1131	1178	1225	1272	1319	1366	1413	1460	1507	1554	1601	1648	1695	1766	1837	1908	1979	2050	2121	2192

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI DGA5
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG05A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999

JADUAL GAJI BARU : DGA5

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	1585	1650	1715	1780	1845	1910	1975	2040	2105	2170
P2	1653	1721	1789	1857	1925	1993	2061	2129	2197	2265
P3	1724	1795	1866	1937	2008	2079	2150	2221	2292	2363

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI DGA4
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG04A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999

JADUAL GAJI BARU : DGA4

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	1975	2040	2105	2170	2235	2300
P2	2043	2111	2179	2247	2315	2383
P3	2114	2185	2256	2327	2398	2469

**PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P1T4 HINGGA P1T7 DG6
KEPADA GAJI BARU P1T1 (RM917) PADA 1 JULAI 1999**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T4	T5	T6	T7
P1	754	788	831	874

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P1	917	960	1003	1046	1089	1132	1175	1218	1261	1304	1347	1390	1433	1476	1519	1562	1605	1670	1735	1800	1865	1930

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

**PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P2T4 HINGGA P2T7 DG6
KEPADA GAJI BARU P2T1 (RM976) PADA 1 JULAI 1999**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T4	T5	T6	T7
P2	796	841	886	931

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P2	976	1021	1066	1111	1156	1201	1246	1291	1336	1381	1426	1471	1516	1561	1606	1651	1719	1787	1855	1923	1991	2059

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P3T4 HINGGA P3T7 DG6
KEPADA GAJI BARU P3T1 (RM1037) PADA 1 JULAI 1999

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T4	T5	T6	T7
P3	849	896	943	990

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P3	1037	1084	1131	1178	1225	1272	1319	1366	1413	1460	1507	1554	1601	1648	1695	1766	1837	1908	1979	2050	2121	2192

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

**PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P1T8 HINGGA P1T28 DG6
KEPADA GAJI BARU YANG TINGGI BERHAMPIRAN PADA 1 JULAI 1999**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26	T27	T28
P1	917	960	1003	1046	1089	1132	1175	1218	1261	1304	1347	1390	1433	1476	1519	1562	1605	1670	1735	1800	1865

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P1	960	1003	1046	1089	1132	1175	1218	1261	1304	1347	1390	1433	1476	1519	1562	1605	1670	1735	1800	1865	1930

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P2T8 HINGGA P2T28 DG6
KEPADA GAJI BARU YANG TINGGI BERHAMPIRAN PADA 1 JULAI 1999

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26	T27	T28
P2	976	1021	1066	1111	1156	1201	1246	1291	1336	1381	1426	1471	1516	1561	1606	1651	1719	1787	1855	1923	1991

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P2	1021	1066	1111	1156	1201	1246	1291	1336	1381	1426	1471	1516	1561	1606	1651	1719	1787	1855	1923	1991	2059

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA DI P3T8 HINGGA P3T28 DG6
KEPADA GAJI BARU YANG TINGGI BERHAMPIRAN PADA 1 JULAI 1999

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI : DGA6
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. SIFIR PELARASAN GAJI

JADUAL GAJI SEKARANG : DG6

	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26	T27	T28
P3	1037	1084	1131	1178	1225	1272	1319	1366	1413	1460	1507	1554	1601	1648	1695	1766	1837	1908	1979	2050	2121

JADUAL GAJI BARU : DGA6

	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P3	1084	1131	1178	1225	1272	1319	1366	1413	1460	1507	1554	1601	1648	1695	1766	1837	1908	1979	2050	2121	2192

CATATAN : TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DIUBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

**PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG BERADA
DI DG6 P1 T29, P2 T29 DAN P3 T29 PADA TARIKH KUATKUASA 1.7.1999**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI DGA6-1: KHAS UNTUK PENYANDANG
- II. KOD GAJI KOMPUTER : DG06A01
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.1999
- IV. GAJI SEKARANG : DG6

JADUAL GAJI BARU : DGA6-1 (KHAS UNTUK PENYANDANG)

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23
P1	917	960	1003	1046	1089	1132	1175	1218	1261	1304	1347	1390	1433	1476	1519	1562	1605	1670	1735	1800	1865	1930	1995
P2	976	1021	1066	1111	1156	1201	1246	1291	1336	1381	1426	1471	1516	1561	1606	1651	1719	1787	1855	1923	1991	2059	2127
P3	1037	1084	1131	1178	1225	1272	1319	1366	1413	1460	1507	1554	1601	1648	1695	1766	1837	1908	1979	2050	2121	2192	2263

- CATATAN: - PENYANDANG YANG BERADA DI P1T29 (RM 1930) DIPINDAH KEPADA P1 T23**
- PENYANDANG YANG BERADA DI P2T29 (RM 2059) DIPINDAH KEPADA P2 T23
 - PENYANDANG YANG BERADA DI P3T29 (RM 2192) DIPINDAH KEPADA P3 T23
 - TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ASAL DI UBAH KEPADA 1 JULAI MULAI TAHUN 2000

**CONTOH SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN
KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA**

Ruj. Fail :

Kepada :
(Nama Pegawai)

Alamat :
.....
.....
.....
.....

**Tawaran Opsyen Pertukaran Kepada Skim Perkhidmatan
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD)**

Tuan/Puan dengan ini ditawarkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) berkuatkuasa mulai 1.7.1999 dengan gaji RM _____ (P__ T__) sebulan atas Gred ____ dan tertakluk kepada syarat opsyen bagi perkhidmatan di atas dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. ____ Tahun _____.

2. Jika tuan/puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh tiga (3) bulan iaitu mulai 1 Julai 1999. Tuan/puan adalah dikehendaki menandatangani borang opsyen di [Lampiran 1](#) dan mengembalikannya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

.....
()
Kementerian Pendidikan Malaysia

Maklumat Peribadi Pegawai
(diisi oleh Ketua Jabatan)

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Skim Perkhidmatan Sekarang :
4. Taraf Perkhidmatan :
5. Gaji Hakiki Pada 30.6.1999 :
6. Gred Gaji :
7. Tarikh Pergerakan Gaji :
8. Lain-lain Catitan :

LAMPIRAN M

Surat Akuan Penerimaan Oleh Ketua Jabatan

Tarikh :

Kepada :

.....

.....

(nama dan alamat anggota)

Tuan/puan,

Dengan ini saya mengaku menerima borang opsyen tuan/puan di bawah Pekeliling
Perkhidmatan

Bil. _____ Tahun 1999 bertarikh _____.

Tandatangan :

Nama Penuh : ()

Jawatan :

**CONTOH SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN
KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA
(kepada anggota yang belum memenuhi syarat pemindahan
gaji iaitu tempoh perkhidmatan kurang 3 tahun
dan matagaji belum berada di T4)**

Ruj. Fail :

Kepada :
(Nama Pegawai)

Alamat :
Jabatan
.....
.....
.....

**Tawaran Opsyen Pertukaran Kepada Skim Perkhidmatan
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD)**

Tuan/Puan dengan ini ditawarkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) yang akan berkuatkuasa sehari selepas genap tempoh perkhidmatan tiga (3) tahun dan berada sekurang-kurangnya di matagaji T4 di atas Gred DG6. Dengan itu tuan/puan adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang di atas Gred DG6 sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Jika tuan/puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh

tiga (3) bulan iaitu mulai 1 Julai 1999. Tuan/puan adalah dikehendaki menandatangani borang opsyen di Lampiran '1' dan mengembalikannya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

.....
()
Kementerian Pendidikan Malaysia

Maklumat Peribadi Pegawai
(diisi oleh Ketua Jabatan)

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Skim Perkhidmatan Sekarang :
4. Taraf Perkhidmatan :
5. Gaji Hakiki Pada 30.6.1999 :
6. Gred Gaji :
7. Tarikh Pergerakan Gaji :
8. Lain-lain Catitan :

LAMPIRAN O

Surat Akuan Penerimaan Oleh Ketua Jabatan

Tarikh :

Kepada :

.....

.....

(nama dan alamat anggota)

Tuan/puan,

Dengan ini saya mengaku menerima borang opsyen tuan/puan di bawah Pekeliling
Perkhidmatan

Bil. _____ Tahun 1999 bertarikh _____.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama Penuh : ()

Jawatan :

LAMPIRAN P

KAJIAN IMPLIKASI KEWANGAN

PERKHIDMATAN		JENIS KEPUTUSAN	RUJUKAN SURAT, ARAHAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN TARIKH	TARIKH KUATKUASA	GRED GAJI ASAL DAN TANGGAGAJI	GRED GAJI BARU DAN TANGGAGAJI	SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN YANG DIBAYAR	MATAGAJI BARU	NOMBOR KAD PENGENALAN PEGAWAI
SKIM	KLASIFIKASI									
		(1)		(2)	(3)	(4)		(5)		

Nota : (1) Jabatan hendaklah mengisi ruang ini dengan menggunakan kod-kod berikut:-

Kod

- a. Keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam (untuk jenis keputusan ini sila catatkan kes rujukan yang berkenaan).
- b. Keputusan Bahagian Perundangan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- c. Keputusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan kelayakan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- d. Penggredan Skim Perkhidmatan, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- e. Pindaan-pindaan ke atas Tanggagaji Pasukan Petugas, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- f. Pindaan gaji yang berkaitan.

(2) Sila nyatakan tarikh dan tempoh berkuatkuasa secara isyarat dan secara sebenar.

(3) & (4) Sila nyatakan kod gaji, tanggagaji dan Laporan Gaji yang berkenaan.

(5) Jumlah tunggakan ialah perbezaan gaji yang dibayar sebelum dan selepas keputusan.

(6) Sekiranya terdapat pegawai yang dikehendaki membayar balik akibat daripada pelaksanaan salah satu keputusan menurut kod a-f, sila nyatakan jumlah wang yang dibayar balik dan bilangan pegawai yang terlibat.

Catatan: Sila hantar balik lampiran ini kepada Cawangan Gaji, Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Blok C, Aras 4, Kompleks JPA, Jalan Tun Ismail, 50510 KUALA LUMPUR.

Disk Skim PPBS/mw/kajian/hawa

Borang Opsyen

Tarikh :

Kepada : (Kementerian Pendidikan Malaysia)

.....

Melalui : (Ketua Jabatan)

.....

.....

.....

**Tawaran Opsyen Pertukaran Kepada Skim Perkhidmatan
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD)**

Berhubung surat tuan sepertimana rujukan fail _____ di atas bertarikh _____ mengenai perkara di atas, maka saya membuat opsyen berikut:-

* Bersetuju menerima pertukaran kepada skim perkhidmatan PPPLD dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. ____ Tahun _____.

ATAU

* Tidak bersetuju bertukar kepada skim PPPLD dan sebaliknya kekal di bawah skim perkhidmatan PPPBS secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat opsyen tuan bil. _____ bertarikh _____ dan implikasi terhadap pilihan yang dibuat serta mengambil maklum bahawa keputusan ini adalah **muktamad**.

* Nota: Tandakan di kotak yang disediakan untuk pilihan anda.

Tandatangan :

Nama Penuh : ()

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Tarikh :

Di hadapan
.....

* Saksi
(T/Tandatangan dan Cop

Jawatan)

* Saksi hendaklah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas.